

Syarat-syarat yang perlu di patuhi:

1. Pemasangan lampu jalan pada kawasan perumahan hendaklah mengikut spesifikasi TNB dari segi penggunaan lantern, bracket, saiz cable, foto sel dan papan meter.
2. Permohonan Form A TNB (Permohonan Bekalan) hendaklah di lengkapkan oleh pihak kontraktor elektrik yang bertauliah dengan TNB.
3. Pemaju hendaklah mengemukakan anggaran bil lampu jalan dalam tempoh 1 bulan dan 6 bulan mengikut tariff TNB semasa kecuali kawasan persendirian.

Cth pekiraan:

KW/J	KADAR	PENGGUNAAN SEHARI (jam)	HARI	1 BULAN	6 BULAN
0.150	0.435	12	30	23.49	140.94

4. Pemasangan Meter dan pengujian hendaklah di lakukan bagi tempoh 36 jam dan telah di sah kan oleh jurutera melalui surat kepada Majlis sebelum permohonan CCC di keluarkan.
5. Bayaran bil selama 6 bulan kepada TNB hendaklah di buat terlebih dahulu mengikut anggaran yang dikemukakan, dan salinan pembayaran hendaklah di kemukakan kepada Majlis.
6. Tanggungan kecacatan selama setahun bermula dari tarikh surat CCC di keluarkan kepada peralatan / lengkapan lampu yang rosak. Manakala jaminan pengilang bagi lampu LED selama 3 tahun.
7. Lampiran senarai inventory ,kad jaminan, no pembekal dan tarikh pemasangan perlu di buat dan di serahkan kepada Majlis sebelum CCC di keluarkan.

****Peringatan***

- Pemasangan lampu pada dinding bangunan **TIDAK** dibenarkan (kecuali kawasan persendirian)
- Keutamaan pemasangan lampu jalan adalah:
 - i) Persimpangan jalan dan selekoh jalan
 - ii) Masjid atau surau
 - iii) Dewan orang ramai atau Sekolah
 - iv) Bonggol
 - v) Tapak gerai dan penjaja
 - vi) Jalan mati
- Untuk tiang konkrit TNB kedudukan lampu adalah di pasang secara berselang seli